

Siantan, Bunga Raya

M3227/08

Tanaman Hasan - Malaysia

OLEH **ADNAN ABD. JAMIL**
FOTO: ZAINAL ABIDIN HASAN

Di kebanyakan rumah, pokok siantan menjadi tanaman halaman atau tanaman pagar. Pokok ini tumbuh merimbun dan mempunyai bunga yang lebat. Bunganya berbentuk jambak dan akan memenuhi keseluruhan pokok sebab bunganya terdapat pada setiap hujung ranting. Terdapat pelbagai jenis warna bunga siantan seperti merah, putih, kuning, merah jambu dan jingga.

Siantan atau nama saintifiknya *ixora*, merupakan pokok renek yang tergolong dalam keluarga *rubiacae*. Pokok ini juga dikenal dengan nama pecah periuk, jejarum, rimbun bulat dan soka. Selain di Asia, pokok siantan terdapat juga di India dan Amerika Syarikat.


Daun pokok siantan berbentuk bujur tirus dengan ukuran panjangnya antara 10 – 20 sentimeter dan lebar antara lima hingga enam sentimeter.

Ketinggiannya pula mencecah sehingga tiga meter. Selain bunga yang k e m b a n g , siantan juga mempunyai buah yang berwarna hijau.

Buah ini akan bertukar warna merah apabila masak.



Bunga siantan.



Pokok siantan berbunga merah.

Pokok siantan boleh dibiakkan melalui keratan batang. Untuk mendapatkan pokok yang rimbun, proses mencantas perlu dilakukan. Siantan yang berbunga kelihatan cantik sebagai tanaman halaman atau ditanam dalam pasu.

Bunga dan daun pokok siantan dapat dijadikan bahan rawatan bagi demam, hidung berdarah, darah tinggi dan luka.

Bunga kebangsaan Malaysia iaitu bunga raya atau nama saintifiknya *Hisbiscus rosa sinensis* ditanam meluas oleh penduduk Malaysia. Sama ada di rumah atau di taman-taman bunga, pokok ini ditanam sebagai tanaman hiasan kerana mempunyai bunga yang cantik dan pelbagai warna. Sebagai lambang bunga kebangsaan, pokok yang berbunga merah telah dipilih oleh Kementerian Pertanian.

Sebanyak tujuh jenis bunga telah dicadangkan sewaktu proses pemilihan bunga untuk dijadikan bunga kebangsaan Malaysia. Bunga-bunga yang dicadangkan itu ialah bunga kenanga, bunga tanjung, bunga raya, bunga melur, bunga teratai, bunga mawar, dan bunga cempaka. Bunga raya akhirnya dipilih menjadi bunga kebangsaan pada 28 Julai 1960.

Landskap-landskap yang terdapat di Malaysia tidak terserlah keindahannya tanpa bunga raya. Bunga raya bukan sahaja cantik ditanam di halaman atau di dalam pasu di rumah, malah mempunyai khasiat untuk mengubati beberapa jenis penyakit ringan.

Untuk melegakan demam panas, ambil daun pokok bunga raya dan ramas dengan sedikit air. Pupuk daun itu pada dahi. Air ramasan daun juga boleh dijadikan syampu bagi melebatkan rambut dan menghalang keguguran rambut. **DB**



Bunga raya berwarna merah berkelopak lima menjadi bunga kebangsaan Malaysia.



Antara spesies bunga raya yang terdapat di Malaysia.